

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	TAJUK KERJA	PENDAFTARAN DAN TARAF	KEPALA DAN SUB-KEPALA	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT
1	Cadangan Perkhidmatan Pembersihan dan Pencucian Bangunan Perpustakaan Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Kelab Golf Sultan Abdul Aziz Shah, Seksyen 13, 40000 Shah Alam Untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. (No. Sebutharga :PPAS/RATU/BERSIH/05/2015)	Kementerian Kewangan Malaysia	221001- Pembersihan Bangunan dan Pejabat	11 Mac 2015 Jam 9.30 pagi Bilik Mesyuarat Tingkat 2, Perpustakaan Shah Alam

1. Syarikat hendaklah melampirkan satu salinan sijil yang masih sah tempohlaku semasa mengemukakan sebutharga.
2. Syarikat dinasihati membuat lawatan tapak terlebih dahulu supaya lebih jelas dan faham sebelum mengemukakan tawaran sebutharga.
3. Harga Dokumen Sebutharga adalah **RM50.00** dan **mula dijual pada 11 Mac 2015**
4. Sebutharga adalah termasuk segala cukai dan apa-apa perbelanjaan yang berkaitan.
5. Pihak Perbadanan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang terendah dan tidak perlu memberi sebab bagi menolak tawaran tersebut.
6. Pihak Perbadanan tidak akan melayan sebarang bentuk rayuan.
7. Hanya kontraktor yang berjaya sahaja akan dihubungi. Jika pihak kontraktor tidak menerima jawapan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh tutup sebutharga bermakna tawaran sebutharga tersebut adalah tidak berjaya.
8. **Lawatan Tapak**
 - 8.1 Syarikat dikehendaki membuat lawatan tapak ke Bangunan Perpustakaan Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6, Seksyen 13, 40100 Shah Alam. Lawatan ini penting kepada syarikat kerana mendapat gambaran sebenar mengenai kedudukan kawasan, bangunan dan item yang terlibat serta menentukan kadar harga yang sepatutnya ditawarkan.
9. **Tutup Sebutharga**
 Borang Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan mencatatkan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat **"SEBUTHARGA MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA, JALAN KELAB GOLF 13/6, SEKSYEN 13, 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN"** ke alamat seperti berikut :-

PENGARAH

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor
 Bahagian Pentadbiran & Pengurusan
 Tingkat 3, Perpustakaan Raja Tun Uda, Jalan Kelab Golf 13/6,
 Seksyen 13, 40100 Shah Alam
 Tidak lewat jam **12.00 tengahari pada 19 Mac 2015**